

# INISIATIF LUAR BIASA BAGI SITUASI YANG TIDAK TERJANGKA

KWSP diberi mandat di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 untuk melindungi dan memperkembangkan simpanan persaraan ahli. Namun, disebabkan penularan COVID-19, KWSP terpaksa mengambil langkah segera dan memperkenalkan inisiatif baharu yang berbeza daripada inisiatif sedia ada untuk membantu ahli dan majikan menghadapi cabaran tahun 2020.

Dalam laporan ini, kami memberikan gambaran keseluruhan mengenai langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh KWSP termasuk produk dan kemudahan inovatif bagi membantu golongan yang menghadapi masalah kewangan sepanjang tahun ini.

## ANCAMAN TERHADAP INDIVIDU DAN KELANGSUNGAN HIDUP

Pada tahun 2020, pandemik COVID-19 yang bermula sebagai krisis kesihatan telah menimbulkan krisis ekonomi di peringkat global yang belum pernah terjadi sebelumnya. Perdagangan antarabangsa, perjalanan, dan pelbagai aktiviti perniagaan rentas sempadan telah terjejas teruk, sementara ekonomi dunia mengalami penguncupan berikutan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP) dan prosedur operasi standard (SOP) yang mengekang perbelanjaan dan pengeluaran domestik.

Malaysia tidak terlepas daripada kesan pandemik ini yang telah menimbulkan kesan yang ketara terhadap sektor ekonomi dan kehidupan semua pihak. Syarikat-syarikat perniagaan, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS), terpaksa bekerja keras untuk memastikan kelangsungan kewangan mereka. Kesan pandemik ke atas sektor PKS yang merangkumi lebih daripada 90% jumlah syarikat di Malaysia telah menyebabkan mereka berdepan dengan masalah kewangan yang serius.

Berdasarkan tinjauan oleh SME Corporation Malaysia antara bulan Mac dan Mei 2020, hampir 60% PKS di negara ini tidak menjana pendapatan semasa PKP pertama yang bermula pada bulan Mac 2020. Masalah kekangan aliran tunai telah menyebabkan mereka mengurangkan jumlah pekerja dan/ atau membuat pemotongan gaji pekerja dan kesan ini dapat dilihat dalam kadar pengangguran dan guna tenaga tidak penuh di Malaysia.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran meningkat sebanyak 1.2% kepada 4.5% pada tahun 2020. Ini merupakan kadar tertinggi yang

telah dicatatkan sejak tahun 1993. Sejar dengan itu juga, jumlah isi rumah miskin telah meningkat kepada 639,800 daripada 405,400 pada tahun 2019. Sementara itu, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara telah mengalami penurunan mendadak iaitu -5.6% pada tahun 2020 daripada peningkatan sebanyak 4.3% pada tahun 2019 berikutan kelembapan aktiviti ekonomi.

## CABARAN YANG DIHADAPI OLEH AHLI DAN MAJIKAN KWSP

KWSP mewakili hampir 50% daripada penduduk Malaysia, dengan sejumlah 14.89 juta ahli. KWSP menyedari tentang peningkatan masalah kewangan dalam kalangan ahli dan majikan semasa bermulanya pandemik dan telah mengambil langkah segera untuk membantu mereka pada tahun ini.

Selain melancarkan pelbagai produk dan kemudahan yang belum pernah diperkenalkan sebelum ini, KWSP juga menjalankan tinjauan untuk menentukan sama ada inisiatif yang diperkenalkan dapat memenuhi keperluan ahli dan majikan.

Tinjauan yang kami jalankan pada bulan Julai 2020 (Tinjauan Impak COVID-19) menunjukkan bahawa pandemik ini telah memberikan kesan yang tidak seimbang dalam kalangan ahli KWSP. Trend yang sama dapat dilihat di seluruh dunia, yang mana pandemik tersebut telah menyerlahkan situasi kerentanan golongan tertentu yang sebelum ini kurang menonjol, contohnya pekerja dalam sektor tidak formal. Di Malaysia, golongan yang bekerja dalam sektor tidak formal, seperti mereka yang bekerja sendiri, pekerja bebas, dan pekerja bergaji harian, didapati paling terkesan sepanjang tahun ini.

## INISIATIF LUAR BIASA BAGI SITUASI YANG TIDAK TERJANGKA

Berdasarkan Tinjauan Impak COVID-19 ini juga, pekerjaan dalam sektor tidak formal didapati lebih tidak stabil jika dibandingkan dengan pekerjaan dalam sektor formal. Satu perdua daripada responden (kira-kira 50%) dalam sektor tidak formal melaporkan pengurangan waktu bekerja atau diminta untuk mengambil cuti tanpa gaji, manakala sekitar 20% telah diberhentikan kerja atau tidak dapat bekerja.

Sementara itu, dua perlima responden (sekitar 40%) dalam sektor formal melaporkan pengurangan waktu kerja atau diminta untuk mengambil cuti tanpa gaji. Hanya 2% yang diberhentikan atau tidak dapat bekerja.

Dari segi keselamatan pekerjaan, 50% responden dalam sektor tidak formal memegang pekerjaan yang sama seperti sebelum pandemik berbanding dengan 96% responden dalam sektor formal.

Bagi KWSP, keadaan ini telah menyerlahkan isu penting berkenaan keselamatan pekerjaan dalam sektor tidak formal, yang mana pekerja jarang diberi kontrak bertulis, faedah kesihatan, atau perlindungan sosial. Kekurangan simpanan kecemasan, sama ada dalam jumlah yang mencukupi atau tidak, menambahkan lagi pelbagai cabaran yang dihadapi oleh ahli dalam sektor tidak formal.

➤ **Tinjauan Impak COVID-19 ini juga mendedahkan bahawa 16% responden sektor tidak formal memperoleh gaji di bawah median individu sebanyak RM2,500 dan telah kehilangan pekerjaan ketika pandemik. Tanpa sebarang sumber pendapatan, golongan yang rentan ini terdedah kepada kemiskinan mutlak kerana menghadapi kesukaran untuk menanggung keperluan asas seperti makanan dan tempat tinggal.**

Secara keseluruhannya, Tinjauan Impak COVID-19 ini mendapati bahawa sebahagian besar ahli telah mengalami masalah kewangan, secara langsung atau tidak langsung, disebabkan pandemik dan tiga isu utama mereka ialah keselamatan pendapatan, kesihatan, dan keselamatan pekerjaan.

Responden tinjauan ini juga menyatakan bahawa sumber kewangan alternatif mereka adalah terhad, dengan hanya 18% responden mempunyai simpanan yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan melebihi tempoh enam bulan. Sekiranya tempoh pandemik berpanjangan, individu dan isi rumah dengan simpanan yang terhad mungkin akan mengalami kemiskinan.



## INISIATIF LUAR BIASA BAGI SITUASI YANG TIDAK TERJANGKA

Hasil tinjauan ini telah menyerlahkan realiti masalah kewangan yang dihadapi oleh ahli KWSP pada tahun 2020. Ia juga mengesahkan bahawa inisiatif KWSP untuk membantu ahli merupakan langkah yang tepat. Di samping itu, lebih banyak inisiatif seperti itu diperlukan pada masa depan sekiranya pandemik berlarutan dan sektor ekonomi mengambil masa yang lebih lama untuk pulih daripada kesan pandemik.

### INISIATIF UTAMA KWSP UNTUK MENANGANI CABARAN KEWANGAN

Kerajaan Malaysia telah melancarkan rangkaian pakej bantuan rangsangan untuk memitigasi kejatuhan ekonomi pada tahun 2020. Ini termasuk pakej sokongan kewangan pertama iaitu Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin (Prihatin) yang diumumkan pada 27 Mac 2020.

Ini diikuti oleh beberapa pakej rangsangan ekonomi yang lain sepanjang tahun seperti Pakej Prihatin untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (Langkah Tambahan) pada 6 April 2020, Rancangan Pemulihan Ekonomi Nasional (Penjana) pada 5 Jun 2020, dan Pakej Inisiatif Tambahan Prihatin (Kita Prihatin) pada 23 September 2020.

Beberapa inisiatif lain yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk membantu rakyat ialah moratorium untuk semua pinjaman bank dan pembayaran tunai Bantuan Sara Hidup, sementara pengusaha perniagaan pula menerima geran dan subsidi serta bantuan seperti kemudahan bantuan khas yang ditawarkan kepada PKS sebagai modal perniagaan dan skim kredit mikro untuk syarikat dalam sektor yang terjejas.

KWSP merupakan salah sebuah dana persaraan pertama di dunia yang membantu ahli dan majikan semasa pandemik dengan melaksanakan beberapa inisiatif yang juga menyokong pakej ekonomi kerajaan pada tahun 2020. Matlamat KWSP adalah untuk memberikan kemudahan kewangan kepada ahli dan majikan yang menghadapi masalah kewangan berikutan PKP pertama ketika kebanyakan sektor ekonomi ditutup. Ringkasan berkaitan inisiatif COVID-19 yang diperkenalkan oleh KWSP mengikut kronologi adalah seperti berikut:

Inisiatif	Tempoh Berkuat Kuasa	Tujuan	Kelulusan*	Jumlah*
Pengurangan kadar caruman syer pekerja untuk tahun 2020 dari 11% kepada 7%	1 April 2020 – 31 Disember 2020	Meningkatkan pendapatan boleh guna ahli	3.3 juta ahli	RM3.4 bilion
 Kemudahan Pengeluaran i-Lestari	1 April 2020 – 31 Mac 2021	Mengurangkan beban kewangan ahli dengan membenarkan pengeluaran secara dalam talian antara RM50 dan RM500 dari Akaun 2	5.1 juta ahli	RM14.55 bilion
 Program Bantuan Majikan COVID-19 (e-CAP)	1 April 2020 – 30 Jun 2020	Membolehkan PKS memohon untuk menunda/ menstrukturkan semula pembayaran caruman syer majikan bagi bulan April, Mei, dan Jun 2020	13,090 permohonan	RM84.95 juta

\* Data setakat 31 Disember 2020

## INISIATIF LUAR BIASA BAGI SITUASI YANG TIDAK TERJANGKA

### Inisiatif untuk Ahli

#### (a) Pengurangan kadar caruman pekerja untuk tahun 2020 dan 2021

Sebagai sebahagian daripada pakej rangsangan ekonomi pertama kerajaan, KWSP mengisytiharkan pengurangan kadar caruman berkanun syer pekerja dari 11% kepada 7% pada bulan Februari 2020.

Pengurangan kadar caruman sebanyak 7% diberikan secara automatik kepada semua ahli di bawah usia 60 tahun, bermula dari bulan April hingga akhir tahun 2020, melainkan ahli tersebut memilih untuk mengekalkannya. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan pendapatan boleh guna ahli untuk mengurangkan kesan COVID-19 dan merangsang pertumbuhan ekonomi.

Sejumlah 3.3 juta ahli memilih pengurangan kadar caruman ini untuk tahun 2020, manakala pada akhir tahun 2020, sejumlah 3.1 juta ahli memilih pengurangan kadar untuk tahun 2021.

#### (b) Kemudahan Pengeluaran i-Lestari (i-Lestari)

Pada 23 Mac 2020, Perdana Menteri mengumumkan bahawa ahli di bawah usia 55 tahun boleh memohon untuk mengeluarkan simpanan dari Akaun 2 KWSP sehingga 12 bulan bermula dari 1 April 2020 hingga 31 Mac 2021 untuk membantu ahli mendepani tempoh yang tidak menentu. i-Lestari membolehkan ahli mengeluarkan sebanyak RM50 hingga RM500 sebulan sekiranya mempunyai simpanan dalam Akaun 2 mereka.

Untuk terus menyediakan perkhidmatan kepada ahli kami semasa tempoh PKP, KWSP menyediakan kemudahan permohonan i-Lestari secara dalam talian. Bagi permohonan yang diluluskan, amaun pengeluaran dikreditkan terus secara elektronik ke akaun bank pemohon tanpa perlu menghadirkan diri ke cawangan KWSP. Ini membolehkan ahli membuat permohonan dan pada masa yang sama mematuhi PKP.

Pembangunan teknikal bagi i-Lestari dilaksanakan oleh kakitangan KWSP hanya dalam sekitar 10 hari sahaja. Proses ini dilaksanakan secara dalaman kerana KWSP tidak dapat memanfaatkan penyedia perkhidmatan teknologi maklumat luar semasa PKP berkuat kuasa. Di samping itu, KWSP juga mengambil langkah untuk meningkatkan keselamatan siber bagi kemudahan ini dan mencegah sebarang kemungkinan ancaman siber.

### Inisiatif untuk Majikan

#### (a) Khidmat Nasihat Majikan (EAS)

Pada 15 April 2020, KWSP memperkenalkan EAS untuk memberikan khidmat nasihat khusus kepada majikan bagi membantu mereka menunaikan tanggungjawab terhadap KWSP semasa tempoh kelembapan ekonomi akibat COVID-19.

Pegawai KWSP yang dilantik akan menilai keadaan kewangan syarikat yang terjejas dan memberi nasihat berdasarkan jadual caruman KWSP yang disesuaikan dengan situasi majikan, sama ada melibatkan penyusunan semula jadual caruman atau pembayaran berperingkat untuk caruman tertunggak.

EAS dijangka memberi manfaat kepada lebih daripada 480,000 PKS dan syarikat lain. Melalui khidmat nasihat yang diberikan dan penyesuaian jadual caruman, KWSP berusaha untuk membolehkan PKS yang terlibat menghadapi kelembapan ekonomi. Langkah ini juga boleh meminimumkan keperluan memberhentikan pekerja dalam kalangan PKS, yang menyediakan sekitar 7.6 juta pekerjaan di seluruh negara.

## INISIATIF LUAR BIASA BAGI SITUASI YANG TIDAK TERJANGKA

### (b) Program Bantuan Majikan COVID-19 (e-CAP)

Untuk menyokong inisiatif EAS, KWSP juga melancarkan e-CAP pada bulan April 2020. Ini membolehkan PKS yang layak memohon untuk menyusun semula caruman syer majikan daripada caruman KWSP untuk bulan April, Mei, dan/ atau Jun 2020.

Bayaran caruman untuk bulan yang dimohon dapat ditangguhkan selama tiga bulan dan setelah itu dapat dijelaskan dalam jangka masa tambahan hingga tiga bulan. Sebagai contoh, majikan yang layak boleh memilih untuk menangguhkan caruman untuk bulan April 2020 selama tiga bulan hingga Julai 2020 dan membuat pembayaran berkala selama tiga bulan dari bulan Julai hingga September 2020.

PKS layak menyertai e-CAP sekiranya:

Mempunyai 200 orang pekerja atau kurang dalam senarai gaji

Membayar semua caruman bulanan (bahagian pekerja dan majikan) sehingga tarikh caruman Februari 2020 (iaitu caruman untuk Januari 2020)

Membayar bahagian caruman pekerja untuk bulan yang diminta (April, Mei, dan / atau Jun 2020)

e-CAP memberi PKS sedikit kelonggaran dari kekangan aliran tunai pada bulan-bulan kritikal tersebut. Sehingga 31 Disember 2020, sebanyak 13,090 permohonan telah diluluskan berjumlah RM84.95 juta.

### (c) Mengubah tarikh pembayaran caruman oleh majikan

Untuk memberikan bantuan tambahan kepada majikan yang menghadapi masalah aliran tunai semasa PKP, KWSP membenarkan majikan menangguhkan pembayaran caruman wajib bulanan mereka yang biasanya dijelaskan pada 15 hingga 30 bulan untuk bulan Mei 2020 hingga Julai 2020.

Kemudahan ini membolehkan majikan memenuhi tanggungjawab mereka untuk membayar sebahagian caruman KWSP pekerja dan juga majikan. Memandangkan tempoh PKP dilanjutkan, KWSP telah memanjangkan tempoh pembayaran caruman yang tertunggak hingga 31 Disember 2020.

### MEMENUHI JANGKAAN DALAM PERSEKITARAN BAHARU

KWSP telah melaksanakan misinya untuk melindungi simpanan ahli selama beberapa dekad bagi membantu mereka mencapai masa depan yang lebih baik.

Berikutan penularan COVID-19, KWSP telah mengambil langkah segera dan memperkenalkan inisiatif baharu seperti i-Lestari. Kemudahan ini membolehkan ahli mengakses simpanan persaraan mereka untuk memenuhi keperluan hidup yang mendesak. Untuk membantu majikan, KWSP menyediakan kemudahan seperti e-CAP untuk menyokong kelangsungan perniagaan terutamanya PKS yang terjejas teruk sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan.

Tahun 2020 berlangsung dalam persekitaran yang tidak terjangka yang pastinya menimbulkan pelbagai kesukaran kepada semua pihak. Contohnya, platform dalam talian KWSP dibanjiri dengan jumlah panggilan yang sangat tinggi apabila ahli dan majikan cuba menghubungi KWSP semasa pelaksanaan PKP yang pertama. Dalam memenuhi keperluan mereka, KWSP mengambil langkah untuk menyesuaikan operasi dengan persekitaran unik dan yang belum pernah terjadi sebelum tahun 2020.

KWSP telah bangkit mendepani cabaran untuk terus produktif dalam norma baharu dan memberi perkhidmatan terbaik kepada ahli dan majikan. Kakitangan KWSP telah menyesuaikan diri dengan pantas untuk bekerja dari rumah dan meningkatkan keupayaan

## INISIATIF LUAR BIASA BAGI SITUASI YANG TIDAK TERJANGKA

dan kemampuan digital tanpa mendedahkan organisasi kepada risiko keselamatan. Selain itu, untuk memastikan keselamatan pelanggan dan kakitangan di cawangan, Janji Temu *Online* telah dibangunkan bagi mengawal jumlah janji temu dan ahli yang berurusan di cawangan KWSP.

### MELANGKAH KE HADAPAN

Pandemik COVID-19 telah mempengaruhi corak kehidupan dengan cara yang tidak terjangka. Dengan mempertimbangkan keperluan ahli dan majikan, KWSP berusaha untuk memberikan penyelesaian bagi individu dan perniagaan yang menghadapi masalah kewangan. Walau bagaimanapun, kami ingin menekankan bahawa inisiatif yang dilaksanakan hanyalah langkah kawalan jangka pendek bagi mengurangkan kesan COVID-19.

KWSP akan terus menumpukan kepada matlamat utamanya sebagai sebuah dana persaraan. Keutamaan akan diberikan untuk memelihara dan meningkatkan jumlah simpanan persaraan dalam menyediakan perlindungan sosial demi masa depan ahli.

KWSP percaya bahawa pemberian inisiatif ini merupakan jalan tengah yang dapat mengimbangi keperluan untuk memberikan bantuan bersasar kepada golongan

yang sangat memerlukan dan pada masa yang sama melindungi simpanan persaraan mereka.

Melangkah ke hadapan, KWSP akan terus menyediakan perkhidmatan kepada ahli dan majikan, serta menyokong mereka yang menghadapi kesukaran sekiranya tempoh pandemik berpanjangan. Kami juga akan memainkan peranan yang lebih aktif dalam membantu kerajaan dan bekerjasama dengan organisasi yang berkaitan melalui Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC), untuk meningkatkan sistem perlindungan sosial yang merangkumi semua rakyat Malaysia.

KWSP akan meningkatkan program khidmat jangkauan untuk mendidik dan memperkukuh pengetahuan kewangan yang luas dalam kalangan ahli, dan menyokong usaha untuk meningkatkan keupayaan mereka dalam menangani cabaran kewangan masa hadapan. Kami juga menggalakkan ahli untuk bertemu dengan pegawai Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) KWSP bagi membantu merancang kewangan mereka ke arah persaraan yang lebih baik.

Walaupun masih belum jelas bilakah pandemik COVID-19 akan berakhir, kami yakin bahawa kesabaran, ketekunan, dan kepercayaan yang teguh akan membolehkan semua pihak menempuhi tempoh yang mencabar ini.

